

Putera UMNO cadang litar khas mat rempit berlumba

um - 9/11/2007

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Putera UMNO sedang mengkaji untuk mewujudkan satu litar lumba motosikal khusus untuk pelumba haram atau mat rempit yang selama ini menggunakan jalan raya sebagai tempat perlumbaan mereka.

Pengerusinya, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, langkah tersebut merupakan satu cadangan dalam menangani gejala itu yang kebanyakannya membabitkan orang Melayu.

Menurut beliau, walaupun terdapat permintaan daripada golongan tersebut tetapi pihaknya perlu mengkajinya secara menyeluruh bagi mengelakkan timbul masalah lain jika litar itu diwujudkan.

"Tidak keterlaluan apabila golongan tersebut ada membuat permintaan kerana hanya di litar lumba sahaja yang dapat membuktikan kehebatan mereka dalam perlumbaan motosikal.

"Pelbagai kajian akan dilakukan kerana banyak faktor perlu dilihat supaya litar tersebut tidak membawa pertaruhan negatif kepada mereka," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini, hari ini.

Semalam, Abdul Azeez mendedahkan bahawa 100 peratus mat

rempit yang bermaharajalela di jalan raya seluruh negara merupakan remaja Melayu.

Beliau memberitahu, pelbagai kaedah dan formula digunakan untuk menarik golongan itu supaya tidak terlibat dalam perlumbaan haram.

Menurutnya, walaupun formula yang digunakan kurang berkesan namun Putera UMNO tidak berputus asa untuk mencari formula terbaik dalam membantu mereka.

"Pelbagai alternatif telah dilakukan namun kita tidak berputus asa untuk mencari kaedah sesuai bagi menangani gejala itu," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Putera UMNO telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said baru-baru ini bagi bersama-sama membantu golongan pelumba haram itu mengamalkan gaya hidup sihat.

Beliau menambah, kerjasama itu sebagai langkah bagi mendidik mereka supaya tidak menjadikan jalan raya sebagai medan berlumba sebaliknya memilih litar perlumbaan untuk memamerkan kehebatan mereka.